



KATA PENGANTAR

Penerbitan Statistik Pendaftaran dan Penempatan Pekerjaan 2006 ini merupakan satu daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk menjadi agensi yang terkemuka dalam perkara yang berkaitan dengan guna tenaga Negara. Laporan ini mendokumenkan data-data yang berkaitan dengan pendaftaran dan penempatan pekerjaan yang dikeluarkan melalui Sistem Penjodohan Pekerjaan atau Job Clearing System (JCS) dibawah Bursa Buruh Elektronik atau Electronic Labour Exchange (ELX), KSM.

Ia juga merupakan salah satu dari beberapa strategi KSM untuk melengkapkan dan mengangkat martabat Perkhidmatan Penjodohan Pekerjaan dibawah ELX sebagai sumber data yang boleh diguna dan dirujuk oleh para pelabur, institusi pendidikan, agensi Kerajaan seperti MAMPU, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Unit Perancang Ekonomi, para majikan, para penyelidik dan kalangan akademik serta masyarakat umumnya.

Data-data yang dipaparkan adalah data-data terkini dan boleh dijadikan kayu pengukur untuk meramal keperluan sumber tenaga manusia dan trend guna tenaga pada masa akan datang. Saya merasa gembira bahawa ELX telah diiktiraf oleh pihak MTEN iaitu data yang dijana melalui Sistem Penjodohan Pekerjaan atau Job Clearing System (JCS) dibawah Bursa Buruh Elektronik atau Electronic Labour Exchange (ELX) telah diiktiraf sebagai sumber rasmi berhubung isu pengangguran khususnya pengangguran dikalangan graduan.

Adalah diharap dokumen ini dapat memperkayakan sumber maklumat guna tenaga negara dan menjadi bahan rujukan utama kepada pihak yang terlibat dalam membuat perancangan dan pelan tindakan pembangunan sumber manusia khususnya bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara dimasa depan.

Akhir kata saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga KSM yang telah berusaha dalam merealisasikan penerbitan ulung laporan yang amat penting ini.

DATO' THOMAS GEORGE
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PREFACE

Publication of Job Registration and Placements 2006 is one of the steps undertaken by the Ministry of Human Resources (MoHR) as to be a one important agency for the national employment. This publication was documented of registration and placements data from Job Clearing System (JCS) under Electronic Labour Exchange (ELX), MoHR.

The publication is also one of the MoHR strategies to fulfill and bring the Employment Services achievement (reputation) under ELX as a useful reference for investors, institution of education, government agencies such as MAMPU, National Economic Action Council and Economic Planning Unit, employers, researchers, academics and as well as publics.

Data presented is an up-to-date and be able to use as an indicators for human resources planning and employment trend in the future. I am happy to know that the recognition of ELX by NEAC, meaning that JCS data under ELX was recognised as an official data related to the unemployment issues especially among unemployed graduate.

I hope that the document would ultimately enrich the source of national employment information and also being a valuable reference to those engaged in the human resources planning and human resources development especially for identifying the employment demand in the future.

Finally, I would like to express my gratitude and thank you to the MoHR staff for their effort given towards making this first issues of publication a reality.

DATO' THOMAS GEORGE
SECRETARY GENERAL
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES